

Jumaat, 13 September 2019 | 5:41pm



Mohd Yusri (empat dari kanan) pada sidang akhbar hari ini menunjukkan sebahagian minyak masak yang dirampas dari seorang lelaki yang cuba menyeludup keluar untuk pasaran negara jiran melalui Sungai Melayu, semalam. - Foto BERNAMA

## Cubaan seludup 5.7 tan minyak masak gagal

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
bhnews@bh.com.my

TAWAU: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menggagalkan cubaan seorang lelaki menyeludup keluar 5.7 tan minyak masak bersubsidi bernilai RM14,000 menggunakan bot jongkong di Sungai Melayu, di sini semalam.

Suspek yang juga warga tempatan berusia 19 tahun itu ditahan sepasukan anggota bot peronda Maritim Malaysia, Kilit 38, kira-kira jam 5.30 petang selepas dikesan dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan 1.7 batu nautika ke tenggara Sungai Melayu berhampiran sempadan Malaysia - Indonesia.

Timbalan Pengarah Zon Operasi Maritim Malaysia Tawau, Komander Mohd Yusri Hussin, berkata bot jongkong terbabit didapati membawa barang kawalan tanpa dokumen sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP).

Katanya, pemeriksaan lanjut di dalam ruang bot jongkong itu menemui 377 kotak barang kawalan berjadual, dengan setiap satu mengandungi 17 paket minyak masak satu kilogram yang disyaki cuba diseludup keluar dan dipasarkan di negara jiran Indonesia.

"Rampasan kali ini adalah yang kedua terbesar dilakukan Maritim Malaysia Zon Tawau tahun ini membabitkan kesalahan membawa barang kawalan tanpa dokumen sah.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk bot jongkong bersama tiga unit enjin sangkut dianggarkan berjumlah RM45,000," katanya pada sidang media, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Unit Seksyen Kawalan Bekalan KPDNHEP Putrajaya, Sharuddin Hamzah dan Timbalan Ketua KPDNHEP Tawau, Yap Kon Fatt.

Mohd Yusri berkata, suspek ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1962, manakala barang rampasan diserahkan kepada KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Kon Fatt berkata, pihaknya tidak akan berkompromi selain memberi peringatan tegas terhadap sebarang kegiatan penyeludupan atau penyelewengan barang kawalan yang didalangi individu, peruncit atau pemborong.

Katanya, tindakan tegas termasuk membatalkan lesen atau permit akan diambil sekiranya mereka didapati melanggar syarat lesen termasuk berdepan tindakan dihadapkan ke mahkamah, selain kompaun yang lebih tinggi.

